

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU**  
**(BATU GAJAH)**  
**TARIKH : 9 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk melokasikan semula sekolah-sekolah kurang murid (SKM) ke tempat yang lebih strategik berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Data Kementerian Pendidikan Malaysia menunjukkan lebih 70% Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) berada dalam kategori SKM.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merangka beberapa strategi di bawah inisiatif Pelaksanaan Pelan Hala Tuju Sekolah Kurang Murid (SKM). Strategi tersebut adalah;

- i. pelaksanaan kelas bercantum dengan pengajaran pelbagai gred;
- ii. penggabungan SKM;
- iii. pemindahan atau penempatan semula SKM; atau
- iv. pengekalan SKM atas keperluan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak tahun 2011 sehingga 2021 terdapat 24 permohonan pindah lokasi melibatkan SJKT berstatus SKM yang telah diluluskan oleh KPM. Bagi sekolah bantuan kerajaan (SBK) yang berstatus SKM, pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) perlu membiaya sepenuhnya kos pemilikan tapak dan kos pembinaan bangunan sekolah di lokasi baharu tersebut sebelum mendapat kelulusan KPM.

KPM akan terus meneliti pendekatan terbaik bagi memastikan kapasiti sekolah dan sumber pendidikan di seluruh negara dapat dioptimumkan.